Datuk Hj Nasiruddin bin Mohd Ali dan satu lagi lwn Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN JENAYAH JA-44–55–10 TAHUN 2024
ABU BAKAR KATAR H
14 JANUARI 2025

Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Permohonan untuk habeas corpus — Pemohon telah dituduh di mahkamah di bawah s 130V Kanun Keseksaan dan berada dalam tahanan yang sah melalui waran penahanan — Sama ada permohonan bersifat akademik — Kanun Tatacara Jenayah s 365 — Kanun Keseksaan s 130V

Pada 19 September 2024, pemohon-pemohon telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('SOSMA'). Kemudiannya pada 23 Oktober 2024, pemohon-pemohon telah dituduh di Mahkamah Sesyen Selayang atas kesalahan di bawah s 130V Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') kerana terlibat sebagai ahli kumpulan jenayah terancang. Pemohon-pemohon tidak mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen Selayang kemudiannya tidak menawarkan sebarang jaminan ke atas pemohon-pemohon. Pada 24 Oktober 2024, pemohon-pemohon melalui peguamnya telah memfailkan notis usul di lampiran satu memohon perintah writ habeas corpus di bawah s 365 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dikeluarkan dengan serta merta atas alasan bahawa tahanannya di bawah Akta SOSMA adalah tidak sah. Peguam kanan persekutuan membantah permohonan ini atas alasan permohonan tersebut adalah bersifat akademik kerana pemohon-pemohon telah dituduh di Mahkamah Sesyen Selayang yang mana mereka berada dalam tahanan yang sah iaitu waran menahan yang dikeluarkan oleh mahkamah yang berkompeten.

Diputuskan, menolak permohonan habeas corpus:

(1) Writ habeas corpus telah difailkan oleh pemohon-pemohon pada 24 Oktober 2024. Semasa permohonan writ habeas corpus di lampiran 1 difailkan, pemohon-pemohon tidak berada dalam tempoh tahanan SOSMA. Pemohon-pemohon telah di tuduh di Mahkamah Sesyen Selayang atas pertuduhan di bawah s 130V Kanun tersebut. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam kanan persekutuan dan peguam persekutuan yang terpelajar bahawa pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan Akta preventif. Sebaliknya, pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen Selayang (lihat perenggan 19).

(2) SOSMA bukannya undang-undang bersifat preventif seperti ALLPK, POCA atau POPO dan ISA (sebelum dimansuhkan). SOSMA merupakan perundangan untuk permudahcara kes-kes keselamatan semasa dalam proses siasatan sehinggalah kes di rujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk pertuduhan di bawah SOSMA atau dilepaskan. Sebaik sahaja pemohon-pemohon telah di tuduh di bawah kesalahan s 130V Kanun tersebut, pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan eksekutif sebaliknya dalam tahanan yang sah mahkamah yang kompeten di luar skop writ habeas corpus (lihat perenggan 21).

(3) Mahkamah merujuk kes-kes writ habeas corpus di mana pemohon berada dalam penjara kerana menjalani hukuman iaitu berada dalam tahanan yang sah yang dikeluarkan oleh mahkamah yg kompeten (*Datuk Harun bin Haji Idris v Officer-in-charge, Pudu Prison* [1981] 2 MLJ 72, *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1999] 1 MLJ 266 dan *Re Gurbachan Singh's Application* [1967] 1 MLJ 74). Dalam senario begini telah diputuskan bahawa writ habeas corpus tidak boleh dibenarkan (lihat perenggan 24).

(4) Mahkamah menimbangkan pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen Selayang. Jika perintah writ habeas corpus dibenarkan, terdapat kesukaran bagaimana Jabatan Penjara untuk melepaskan pemohon-pemohon yang berada dalam waran menahan yang sah. Sehubungan itu, permohonan pemohon-pemohon telah menjadi akademik (lihat perenggan 32–33).

[English summary

On 19 September 2024, the applicants were arrested under the Security Offenses (Special Measures) Act 2012 ('SOSMA'). Subsequently on 23 October 2024, the applicants were charged in the Sessions Court of Selayang for an offense under s 130V of the Penal Code ('the Code') for being involved as a member of an organised crime group. The applicants pleaded not guilty to the charge. The Selayang Sessions Court judge then did not offer any bail to the applicants. On 24 October 2024, the applicants through their lawyers filed a notice of motion in encl 1 applied for an order for writ of habeas corpus under s 365 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') to be issued forthwith on the grounds that their detention under the SOSMA Act was invalid. The senior federal counsel objected to this application on the grounds that the application was academic in nature because the applicants had been charged in the Sessions Court of Selayang where they were in lawful custody, ie an arrest warrant issued by a competent court.

Held, dismissing the habeas corpus application:

(1) The writ of habeas corpus was filed by the applicants on 24 October 2024. When the application for the writ of habeas corpus in encl 1 was

filed, the applicants were not in custody period of SOSMA. The applicants were charged in the Sessions Court of Selayang under s 130V of the Code. The court agreed with the submissions of the learned senior federal counsel and the learned federal counsel that the applicants were not in the custody of the preventive Act. On the other hand, the applicants were under a valid arrest warrant issued by the Sessions Court of Selayang (see para 19).

(2) SOSMA was not a preventive law unlike ALLPK, POCA or POPO and ISA (before repealed). SOSMA wass legislation for the facilitation of current security cases during the investigation process until the case was referred to the deputy public prosecutor for charges under SOSMA or released. Once the applicants have been charged under the offense of s 130V of the Code, the applicants were not in executive custody but in the lawful custody of a competent court outside the scope of the writ of habeas corpus (see para 21).

(3) The court referred to cases of writ of habeas corpus where the applicant was in prison for serving a sentence ie being in lawful custody issued by a competent court (*Datuk Harun bin Haji Idris v Officer-in-charge, Pudu Prison* [1981] 2 MLJ 72, *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1999] 1 MLJ 266 and *Re Gurbachan Singh's Application* [1967] 1 MLJ 74). In this scenario it has been held that the writ of habeas corpus cannot be allowed (see para 24).

(4) The court was of the view that the applicants were under a valid arrest warrant issued by the Sessions Court of Selayang. If the writ of habeas corpus granted, there will be difficulty in how the Prison Department will release the applicants who were under valid arrest warrants. Accordingly, the applicants' application has become academic (see paras 32–33).]

Kes-kes yang dirujuk

Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747, MR (dirujuk)

Dato' Anuar bin Hassan v ASP Syafiq bin Azmin dan 3 Yang Lain (Permohonan Jenayah No JA-44–94–11 Tahun 2021) (tidak dilaporkan) (dibeza)

Datuk Harun bin Haji Idris v Officer-in-Charge, Pudu Prison [1981] 2 MLJ 72, MR (dirujuk)

Gurbachan Singh's Application, Re [1967] 1 MLJ 74 (dirujuk)

Ho Chung Meng v ASP Che Intan bt Subri & Ors [2024] 7 MLJ 500; [2023] 9 CLJ 929, MT (dibeza)

Karpal Singh v Inspector General of Police & Ors [1989] 1 MLJ 184; [1989] 1 CLJ Rep 50, SC (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] MLJU 667; [2005] 3 CLJ 914, MP (dirujuk)

Lei Meng v Inspektor Wayandiana bin Abdullah & Ors and other appeals [2022] 3 MLJ 203, MP (dirujuk)
Mohd Faizal bin Haris v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2006] 1 MLJ 309, MP (dirujuk)
Madjal bin Sanusi v Pengarah Imigresen, Johor & Ors [2000] 5 MLJ 116; [1999] 7 CLJ 569, MT (diikut)
Ooi Ah Phua v Officer-In-Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis [1975] 2 MLJ 198; [1975] CLJU 117; [1975] 1 LNS 117, MP (diikut)
Peter Chang Nyuk Ming v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2023] 4 MLJ 635; [2023] 7 CLJ 521, MP (dibeza)
Reza Shams Bijari Pirbazari lwn Ketua Polis Negara & satu lagi [2008] 8 CLJ 518, MT (diikut)
Rosli bin Sahak dan satu lagi lwn Ketua Polis Negara [2022] MLJU 952; [2022] CLJU 991, MT (dirujuk)
Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor [1999] 1 MLJ 266; [1999] 1 CLJ 481, MR (dirujuk)
Tanasilan a/l Nakethiran v PP & Ors [2023] 7 MLJ 632, MT (dibeza)
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran [2006] 6 MLJ 689, MP (dibeza)
Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases [2021] 3 MLJ 759, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ss 12, 26D
Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B
Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985
Akta Kanak Kanak 2001 s 31(1)(a)
Akta Keterangan 1950 s 114(e)
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ss 4, 6, 7, 13
Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 s 14(a), (b)
Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 s 8(2)
Akta Pencegahan Jenayah 1959 s 15
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (dimansuhkan oleh Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012)
Kanun Keseksaan ss 130V, 130V(1), 201
Kanun Tatacara Jenayah ss 117, 365, 365(a)(ii)
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pembenterasan Jenayah) 1969 ss 3(3)(a), (b), 4(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 145(3)

Rosli bin Kamaruddin (Muhammad Zahier bin Hj Rosli, Muhammad Zaim bin Rosli, Najib Zakaria, Hasnan Hamzah, Boestaman Ahmad, Dorina Abdullah, Schanni Feizal dan Luqman Zainal bersamanya) (Rosli Kamaruddin & Co) bagi pihak pemohon.

Mohd Zain bin Ibrahim (Mohamad Firdaus bin Sadina Ali dan Nur Syahidah bt Mohamad Khamil bersamanya) (Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak pendakwaan.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Pepatah Melayu ada menyatakan 'Langit tidak selalu cerah' 'lautan mana yang tidak akan bergelora' 'bumi mana yang tidak ditimpa hujan', negara Malaysia dikejutkan dengan berita tangkapan ahli dan pegawai tertinggi Sykt Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn Bhd ('GIBSH') dalam Op Global yang dilancarkan oleh Polis DiRaja Malaysia ('PDRM').

[2] Pemohon pertama merupakan CEO kepada GIBSH dan pemohon kedua ialah isteri kepada pemohon pertama.

[3] Pada peringkat awalnya pemohon-pemohon telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('Akta SOSMA'). Kemudiannya, pada 23 Oktober 2024 pemohon-pemohon telah di tuduh di Mahkamah Sesyen, Selayang (Kes Tangkap No BD-62JT-1–10 Tahun 2024 dan Kes Tangkap No BD-62JT-6–10 Tahun 2024) atas kesalahan di bawah s 130V Kanun Keseksaan ('Kanun itu').

[4] Pemohon-pemohon tidak mengaku bersalah atas pertuduhan. Hakim, mahkamah sesyen, Selayang tidak menawarkan apa-apa jaminan ke atas pemohon-pemohon.

[5] Pada 24 Oktober 2024, pemohon-pemohon melalui peguamnya iaitu Tertuan Rosli Kamarudin & Co memfailkan notis usul di lampiran satu memohon perintah writ habeas corpus di bawah s 365 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dikeluarkan dengan serta merta.

[6] Sebagaimana lazimya, responden-responden yang dinamakan dalam notis usul membantah permohonan writ habeas corpus. Responden-responden di wakili peguam kanan persekutuan, Kementerian Dalam Negeri telah memfailkan afidavit jawapan sebagaimana yang terdapat dalam CMS.

KRONOLOGI DAN LATAR BELAKANG KES

(a) pemohon-pemohon telah ditangkap oleh pihak polis pada *19 September 2024* pada jam lebih kurang 5 pagi di dalam *Op Global* oleh Pasukan Khas Bersepadu Bukit Aman (PDRM) di Jalan Imbi, Bukit Bintang, Kuala Lumpur melibatkan 19 individu;

(b) pada 19 September 2024 pemohon-pemohon telah di bawa ke hadapan majistret di Mahkamah Majistret, Shah Alam dan telah dikenakan perintah reman di bawah s 117 KTJ selama tujuh hari. Selanjutnya reman di lanjut lagi dalam tiga perintah reman yang berasingan di Shah Alam dan Kuala Lumpur pada 25 September 2024, 30 September 2024 dan 4 Oktober 2024;

(c) pada *10 Oktober 2024*, pemohon-pemohon ditahan di Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('Akta SOSMA');

(d) pada *23 Oktober 2024*, pemohon-pemohon telah dituduh di bawah s 130V Kanun itu di Mahkamah Sesyen Selayang, Selangor dan tarikh pengurusan kes pada 23 Disember 2024 sementara menunggu arahan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi;

(e) pada *24 Oktober 2024* pemohon-pemohon melalui peguamnya telah memfailkan notis usul untuk permohonan writ habeas corpus di Mahkamah Tinggi Johor Bahru;

(f) pemohon-pemohon melalui GISBH mempunyai kepentingan perniagaan di seluruh Malaysia termasuk di negeri Johor. Melalui GISBH, pemohon-pemohon mempunyai usahasama perniagaan di negeri Johor seperti Café Ikhwan yang berniaga di alamat No 27, Jalan Utama 43, Taman Mutiara Rini, 81300 Skudai, Johor, Ikhwan Mart di alamat No 42, Jalan Utama 44, Taman Mutiara Rini, 81300 Skudai, Johor dan Ikhwan Resort, Kg Air Bintan, Ladang Sg Papan, Bandar Penawar, Johor;

(g) melalui GISBH juga mereka mempunyai kepentingan hartanah di Endau, Johor dan tanah pertanian di Machap, Johor. Tanah pertanian di Machap, Johor telah dihibahkan kepada GISBH untuk pembangunan Maahad Tahfiz;

(h) GISBH juga merupakan syarikat induk yang menjalankan pelbagai perniagaan merangkumi pertanian, makanan, pelancongan, perindustrian, peruncitan, perubatan, pendidikan dan lain-lain. Struktur perniagaan GISBH terdiri daripada syarikat induk GISBH, anak-anak syarikat serta perniagaan *enterprise* yang menjalankan usahasama dengan GISBH;

(i) GISBH tidak mengawal sepenuhnya perniagaan-perniagaan enterprise yang berusahasama dengannya kerana perniagaan tersebut diusahakan sendiri oleh individu-individu yang mempunyai entiti perniagaan *enterprise*. GISBH membenarkan perniagaan-perniagaan yang lain berkembang menggunakan logo GISBH atas jalinan usaha sama tersebut;

(j) terdapat juga pusat-pusat amal dan tahfiz yang mendapat bantuan daripada GISBH tetapi tidak di kawal secara langsung di dalam

pengendalian urusan harian oleh GISBH;

(k) melalui *Op Global*, PDRM telah melakukan pelbagai tangkapan di seluruh negara untuk menyiasat pelbagai dakwaan. PDRM menjalankan siasatan tersebut meliputi kesalahan-kesalahan berikut:

(i) s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792);

(ii) s 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017;

(iii) s 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001 (Akta 611);

(iv) s 8(2) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301)

(v) s 201 Kanun Keseksaan; dan

(vi) s 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

(l) pemohon-pemohon berserta 56 orang yang lain telah ditahan dibawah SOSMA. PDRM menumpukan siasatan seperti perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan terdahulu;

(m) sebelum itu telah berlaku penahanan reman yang berterusan atau 'roadshow' melibatkan pemohon-pemohon dan Ahli Lembaga Pengarah ('ALP') GISBH yang lain. Mereka telahpun di tahan melebihi 20 hari dalam empat perintah tahanan reman di negeri Selangor dan Kuala Lumpur;

(n) setakat tarikh permohonan ini dibuat, pemohon-pemohon telah dituduh dibawah s 130V(1) Kanun itu pada 23 Oktober 2024 iaitu kononnya menjadi *ahli kumpulan jenayah terancang*;

(o) pemohon-pemohon telah di tangkap dan di reman di bawah s 117 KTJ secara berterusan dengan tangkapan semula di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 selama lebih kurang 23 hari; dan

(p) pada tarikh *10 Oktober 2024 (hari Khamis)* pemohon-pemohon telah diberi jaminan polis. Kemudiannya, pada hari yang sama jam lebih kurang jam 4 petang pihak PDRM telah menangkap semula pemohon-pemohon di bawah s 4 Akta SOSMA.

MERIT PERMOHONAN PEMOHON-PEMOHON

[7] Sebelum merit permohonan writ habeas corpus didengar, peguam kanan persekutuan ('PKP') yang mewakili responden-responden telah membangkitkan dua isu bantahan awalan iaitu:

(a) afidavit sokongan yang difailkan bagi menyokong notis usul cacat dan tidak mematuhi peruntukan undang-undang; dan

(b) permohonan writ habeas corpus yang difailkan oleh pemohon-pemohon bersifat akademik sebaik pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen, Selayang dan berada dalam tahanan yang sah iaitu waran menahan yang dikeluarkan oleh mahkamah yang berkompeten.

Bagi isu (a)

[8] Sebelum pendengaran bantahan awalan dimulakan, pihak-pihak telah bersetuju agar isu (a) tidak diteruskan. Pihak-pihak bersetuju dan tidak membantah atas pemfailan afidavit jawapan atau afidavit balasan oleh mana-mana pihak. Pihak-pihak bersetuju hanya meneruskan isu (b) bagi maksud bantahan awalan.

Bagi isu (b)

Penghujahan oleh peguam kanan persekutuan ('PKP') dan peguam persekutuan ('PP') bagi pihak responden-responden

[9] Encik Mohd Zain bin Ibrahim, PKP yang terpelajar dalam hujahan lisannya secara ringkas menghujahkan pemohon-pemohon memfailkan habeas corpus selepas di tuduh di Mahkamah Sesyen, Selayang atas kesalahan di bawah s 130V(1) Kanun itu. Pemohon-pemohon di tuduh di mahkamah sesyen, Selayang pada 23 Oktober 2024 dan notis usul untuk habeas corpus difailkan pada 24 Oktober 2024. PKP yang terpelajar merujuk kes *Lei Meng v Inspektor Wayandiana bin Abdullah & Ors and other appeals* [2022] 3 MLJ 203 yang menjadi sandaran peguam pemohon-pemohon. PKP yang terpelajar menghujahkan fakta kes *Lei Meng* berbeza dengan kes pemohon-pemohon. Dalam kes *Lei Meng* ia melibatkan tahanan atas Akta yang sama iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('POCA'). Sebaliknya dalam kes pemohon-pemohon, semasa habeas corpus difailkan pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan SOSMA sebaliknya dalam waran menahan yang dikeluarkan oleh mahkamah yang kompeten. Pemohon-pemohon mempunyai remedy yang lainnya iaitu memohon jaminan di bawah s 13 Akta SOSMA. Tindakan pemohon-pemohon memfailkan writ habeas corpus dianggap 'back door' bagi tujuan melepaskan pemohon-pemohon. PKP yang terpelajar menghujahkan sekarang pemohon-pemohon dalam tahanan yang sah sebaik di tuduh di mahkamah sesyen, Selayang. Akta SOSMA digubal untuk mengawal tatacara siasatan pihak polis semasa dalam proses tahanan. Sebaik siasatan di rujuk ke TPR, pendakwaan kes jenayah diteruskan SOSMA terputus dan bukan satu transaksi yang sama. Mahkamah boleh merujuk s 114(e) Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan anggapan tugas rasmi telah disempurnakan. Tahanan pemohon-pemohon bukan secara salah di

bawah SOSMA. PKP yang terpelajar menghujahkan writ habeas corpus hanya terarah kepada tahanan salah. PKP yang terpelajar merujuk kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] MLJU 667; [2005] 3 CLJ 914 yang membezakan kuasa preventif dan kuasa pendakwa raya. PKP yang terpelajar memohon bantahan awalan pihak responden-responden diterima.

[10] Encik Firdaus bin Saidina Ali PP yang terpelajar menghujahkan kes *Ho Chung Meng v ASP Che Intan bt Subri & Ors* [2024] 7 MLJ 500; [2023] 9 CLJ 929 dan *Tanasilan a/l Nakethiran v Public Prosecutor & Ors* [2023] 7 MLJ 632, permohonan habeas corpus difailkan pemohon masih berada dalam tahanan preventif dan bukannya waran menahan yang dikeluarkan oleh mahkamah. Sekiranya writ habeas corpus dibenarkan, bagaimana untuk menguatkuasakan perintah kerana pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah dikeluarkan oleh mahkamah.

[11] PKP yang terpelajar dalam hujahan tambahan menyatakan sekiranya writ habeas corpus dibenarkan, perintah hendak diserahkan kepada siapa? Pemohon-pemohon bukan dalam tahanan responden-responden. Sebagai contoh jika melibatkan tahanan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ('Akta ALLPK'), perintah writ habeas corpus akan diserahkan kepada Pusat Pemulihan Akhlak ('PPA') yang berkaitan. Pihak penjara terikat dengan waran menahan yang sah mahkamah keluarkan. Perintah waran menahan hanya boleh diketepikan melalui semakan atau semakan kehakiman (*judicial review*).

[12] Encik Mohd Zain, PKP yang terpelajar dalam hujahan balasnya menarik kes *Peter Chang*. *Peter Chang* melibatkan tahanan Akta preventif yang sama. Pemohon pada asalnya di tahan di bawah perintah tahanan di bawah s 6 ALLPK dan kemudiannya terdapat perintah pengantungan di bawah s 7 ALLPK. Tahanan masih di bawah Akta preventif yang sama. Berbeza dalam kes pemohon-pemohon, sebaik di tuduh di Mahkamah Sesyen, Selayang, tahanan SOSMA telah terputus.

[13] Puan Nur Syahidah bt Mohamad Kamil, PP yang terpelajar sebagai tambahan telah menghujahkan dalam kes Rosli Sahak, isu akademik tidak berbangkit sebaliknya ia membabitkan bantahan atas affidavit sokongan yang tidak diikrarkan oleh pemohon. Afidavit sokongan telah diikrarkan oleh isteri pemohon. Ketika itu negara di landa wabak Covid dan dalam Perintah Kawalan Pergerakan ('PKP'). Mahkamah Persekutuan membenarkan writ habeas corpus di dengar atas meritnya. Kes *Peter Chang* ia melibatkan Akta yang sama iaitu ALLPK. Walaupun, pemohon berada dalam perintah pegantungan, writ habeas corpus masih boleh didengar. Berbeza dengan kes pemohon-pemohon, sebaik tempoh tahanan SOSMA berakhir dan

pendakwaan telah dilakukan. Ia bukan satu transaksi sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Peter Chang*. A

Penghujahan oleh peguam pemohon-pemohon

[14] Hj Rosli bin Kamarudin, peguam pemohon-pemohon yang terpelajar menghujahkan isu akademik telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Rosli bin Sahak dan satu lagi lwn Ketua Polis Negara* [2022] MLJU 952; [2022] CLJU 991 dan *Tanasilan a/l Nakethiran*. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan kes didengar atas meritnya. Peguam pemohon-pemohon yang terpelajar sedar permohonan writ habeas corpus dalam kes semasa difailkan sehari selepas pendakwaan dilakukan di Mahkamah Sesyen, Selayang. Mahkamah ini di rujuk dalam kes yang tidak dilaporkan iaitu *Dato' Anuar bin Hassan v ASP Syafiq bin Azmin dan 3 Yang Lain* (Permohonan Jenayah No JA-44–94–11 Tahun 2021) (tidak dilaporkan). Mahkamah ini telah mendengar permohonan writ habeas corpus walaupun pemohon berada dalam perintah sekatan di Gua Musang. Mahkamah Tinggi, Johor Bahru telah mengikuti pendekatan dalam kes *Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases* [2021] 3 MLJ 759 dan *Lei Meng*. Writ habeas corpus dibenarkan selepas mendengar meritnya. Hj Rosli bin Kamarudin merujuk kepada penghakiman Dato' Mary Lim dalam kes *Peter Chang Nyuk Ming v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2023] 4 MLJ 635; [2023] 7 CLJ 521. Beliau merujuk *Held* (3) hak yang diberi dalam Perlembagaan tidak boleh dihalang atau dihadkan atas seseorang yang ditahan. Selanjutnya jika pemohon-pemohon dilepaskan di bawah writ habeas corpus ia tidak menganggu proses pendakwaan sama sekali. Hak dan kuasa pendakwa raya yang diperuntukkan di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan tetap dijamin dan tidak tergugat. B C D E F

[15] Encik Najib bin Zakaria juga mewakili pemohon-pemohon menghujahkan walaupun pemohon-pemohon bukan dalam tahanan SOSMA, isu akademik tidak menghalang untuk mendengar merit permohonan writ habeas corpus. Beliau merujuk kes *Karpal Singh v Inspector General of Police & Ors* [1989] 1 MLJ 184; [1989] 1 CLJ Rep 50 bagi menyokong penghujahnnya. Encik Najib turut bergantung kepada kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran* [2006] 6 MLJ 689 menghujahkan walaupun sudah akademik, jika terdapat isu membabitkan kepentingan awam, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengar meritnya. Beliau menghujahkan terdapat 20–30 orang yang masih di tahan di bawah SOSMA. Keputusan mahkamah ini menjadi kepentingan awam kerana ia akan menjadi rujukan pada kes-kes yang lainnya mempunyai isu/keadaan yang sama. Terdapat persoalan undang-undang adakah tanahan GISBH termasuk dalam skop SOSMA. Juga, adakah terdapat keterangan bagi mengaitkan pemohon-pemohon dengan jenayah terancang? G H I

[16] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (b) dengan lebih lanjut, eloklah dirujuk peruntukan s 365 KTJ yang memperuntukkan ruang lingkup writ habeas corpus seperti berikut:

> The High Court may whenever it thinks fit direct —
>
> (a) that any person who:
>
> (i) is detained in any prison within the limits of Malaysia on a warrant of extradition whether under the Extradition Act 1992 [*Act 479*]; or
>
> (ii) *is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia*, be set at liberty;

[17] Pemohon-pemohon dalam notis usulnya di lampiran satu secara jelasnya menumpukan permohonannya atas dasar tahanannya di bawah Akta SOSMA tidak sah iaitu bergantung kepada peruntukan s 365(a)(ii) KTJ.

[18] Mahkamah ini merujuk kes *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747 di mana YA Mohd Zawawi Salleh HMP ada menyentuh pemakaian writ habeas corpus seperti berikut:

> [13] The writ of habeas corpus is a powerful remedy in the sense that it is not discretionary. It is distinct from the prerogative writs such as those of certiorari, prohibition and mandamus. *The writ of habeas corpus must be issued if the court finds that the detenu is illegally or improperly detained.* In *Yeap Hock Seng @ Ah Seng v Minister For Home Affairs, Malaysia & Ors* [1975] 2 MLJ 279, Abdoolcader J (as His Lordship then was) had this to say at p 281:
>
> > The grant of habeas corpus is as of right and not in the discretion of the court as in the case of such extraordinary legal remedies as certiorari, prohibition and mandamus. It is a writ of right against which no privilege of person or place can be of any avail (*Dominus Rex against Pell and Offly* (1673) 84 ER 720). *The heavy musketry of the law will always be brought to bear upon any suggestion of unlawful invasion or infringement of the personal liberty of an individual in the form of habeas corpus and kindred orders where necessary to grant relief when warranted.* It was aptly put in the American case of *State ex rel Evans v Broaddus* 245 Mo 123 140 that at least in times of peace every human power must give way to the writ of habeas corpus and no prison door is stout enough to stand in its way.

[19] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 365(a)(ii) KTJ dan prinsip yang digariskan dalam kes *Chua Kian Voon*, ia merujuk kepada tahanan yang salah. Mahkamah ini sedar writ habeas corpus difailkan oleh pemohon-pemohon pada 24 Oktober 2024. Semasa permohonan writ habeas corpus di lampiran satu difailkan, pemohon-pemohon tidak berada dalam tempoh tahanan SOSMA. Pemohon-pemohon telah di tuduh di Mahkamah Sesyen, Selayang atas pertuduhan di bawah s 130V Kanun itu (sila rujuk

perenggan tiga di atas). Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP dan PP yang terpelajar pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan Akta preventif sebagaimana pemohon dalam kes *Lie Meng* dan *Peter Chang*. Sebaliknya pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah dikeluarkan oleh mahkamah sesyen, Selayang. Sebagai rujukan diperturunkan waran menahan (lampiran 15 — eksh 'MAR3') yang melibatkan pemohon-pemohon seperti di bawah:



BD-62JT-1-10/2024 Kand. 4

[Mahkamah 75]
23/10/2024 10:55:02

TANAH MELAYU

eB eBD8313432

NEGERI SELANGOR

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SELAYANG

WARAN MENAHAN

Kepada Pegawai yang menjaga Penjara di Penjara Sungai Buloh

KES JENAYAH NO. **BD-62JT-1-10/2024**

BAHAWASANYA **NASIRUDDIN BIN MOHD ALI (No. Kad Pengenalan: 591125045673)** (kemudian daripada ini disebut orang yang dituduh) telah dibawa pada hari ini ke hadapan Mahkamah ini dipertuduh melakukan kesalahan

Seksyen 130V (1) Kanun Keseksaan

dan adalah perlu ditahan orang yang dituduh itu. Ini adalah memberi kuasa dan menghendaki kamu pegawai yang tersebut menerima orang yang dituduh ini ke dalam jagaan kamu bersama waran ini dan mempenjarakannya dengan selamat dalam Penjara sehingga **29 Oktober 2024** apabila kamu akan menyebabkannya supaya dibawa ke hadapan Mahkamah tersebut pada pukul hari yang tersebut melainkan jika kamu diperintahkan selainnya buat sementara itu.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah ini pada **23 Oktober 2024**.

MOHD ERMAN BIN CHE MAT
Penolong Pendaftar
Mahkamah Sesyen
Selayang

S/N EcHg8uAc0iK5Udoc7fgZA
*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal
S/N TIFPSu8eYL0anKuQhmWkyGQ
*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

BD-62JT-6-10/2024

Kand.

23/10/2024 11:10:09

TANAH MELAYU

eB eBD8313540

NEGERI SELANGOR

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SELAYANG

WARAN MENAHAN

Kepada Pegawai yang menjaga Penjara di Penjara Wanita Kajang

KES JENAYAH NO. **BD-62JT-6-10/2024**

BAHAWASANYA **AZURA BINTI MD YUSOF (No. Kad Pengenalan: 670101018828)** (kemudian daripada ini disebut orang yang dituduh) telah dibawa pada hari ini ke hadap Mahkamah ini dipertuduh melakukan kesalahan

Seksyen 130V (1) Kanun Keseksaan

dan adalah perlu ditahan orang yang dituduh itu. Ini adalah memberi kuasa dan menghendaki kamu pegawai yang tersebut menerima orang yang dituduh ini ke dalam jagaan kamu bersama waran ini dan memperjarakannya dengan selamat dalam Penjara sehingga **29 Oktober 2024** apabila kamu akan menyebabkannya supaya dibawa ke hadapan Mahkamah tersebut pada pukul **9:00 pagi** hari yang tersebut melainkan jika kamu diperintahkan selainnya buat sementara itu.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah ini pada **23 Oktober 2024**.

MOHD ERMAN BIN CHE MAT
Penolong Pendaftar
Mahkamah Sesyen
Selayang

S/N mnZK6qdbvES3CO3kGn1Qg
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal
S/N HnPBaBeYLCamxuQhmWkyOQ
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[20] Peguam Hj Rosli bin Kamarudin yang mewakili pemohon-pemohon bergantung kepada kes *Peter Chang* terutamanya di *Held* (3) bagi membantah hujahan PKP dan PP yang terpelajar berkaitan isu akademik. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan *Held* (3) kes *Peter Chang* yang memutuskan seperti berikut:

> (3) The power to issue a writ of habeas corpus is part of the additional powers of the High Court, as provided in s 25(2) of the Courts of Judicature Act 1964 , for the enforcement of rights in Part II of the FC, especially rights enshrined in art 5(2). The exercise of the additional powers must be in accordance with any written law or rules of court relating to the same, in this case, the CPC, that purpose and intent for the existence of the additional powers must always weigh in the mind of any

adjudicating body. *Article 5(2) of the FC must be 'given full and substantive effect' and the remedy remains available, even if the detainee has since been discharged. A full and proper construction of art 5(2) requires the whole or entire series of transactions, detentions or orders to be scrutinised. In the present case, the suspension order could not stand discrete from the detention order; it was dependent on the detention order. (paras 17, 20 & 23)*

[21] Mahkamah ini berpendapat fakta kes *Peter Chang* boleh dibezakan dengan kes pemohon-pemohon. Dalam kes *Peter Chang*, pemohon di tahan di bawah Akta preventif iaitu ALLPK iaitu pada asalnya perintah tahanan di bawah s 6 ALLPK. Kemudiannya pemohon ditahan di bawah perintah pengantungan di bawah s 7 ALLPK. Semasa writ habeas corpus difailkan pemohon berada dalam tahanan Akta yang sama iaitu ALLPK. Sehubungan itu cabaran writ habeas corpus tidak menjadi akademik sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Peter Chang*. Berbalik kepada kes pemohon-pemohon, semasa writ habeas corpus di failkan pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan SOSMA. Mahkamah ini bersetuju SOSMA bukannya undang-undang bersifat preventif seperti ALLPK, POCA atau POPO dan ISA (sebelum dimansuhkan). SOSMA merupakan perundangan untuk permudahcara kes-kes keselamatan semasa dalam proses siasatan sehinggalah kes di rujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk pertuduhan di bawah SOSMA atau dilepaskan. Sebaik pemohon-pemohon telah di tuduh di bawah kesalahan s 130V Kanun itu, pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan eksekutif sebaliknya dalam tahanan yang sah mahkamah yang kompeten di luar skop writ habeas corpus.

[22] Mahkamah ini merujuk kes *Reza Shams Bijari Pirbazari lwn Ketua Polis Negara & satu lagi* [2008] 8 CLJ 518 di mana pemohon memfailkan writ habeas corpus ketika itu pemohon berada dalam waran menahan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Ampang (Kes Tangkap No 81–3 Tahun 2006) bagi tentative pertuduhan di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Semasa pendengaran writ habeas corpus di hadapan YA Su Geok Yam H, TPR yang mengendalikan permohonan telah mengemukakan bantahan awalan iaitu pemohon telah di tahan atas suatu waran komitmen oleh seorang majistret yang kompiten. YA Su Geok Yam H telah membenarkan bantahan awalan yang dikemukakan oleh TPR. Beliau dalam penghakimannya menyatakan:

> [22] Mahkamah ini adalah terikat oleh keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ooi Ah Phua v Officer-In-Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis* [1975] 2 MLJ 198; [1975] CLJU 117; [1975] 1 LNS 117.
>
> [23] Dalam kes itu Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa apabila permohonan perayu untuk writ habeas corpus difailkan, perayu telahpun ditahan di bawah perintah seorang majistret dan oleh itu soalan sama ada penahanannya adalah tidak sah tidak lagi timbul.

A [24] Suffian LP dalam penghakimannya telah menyatakan seperti berikut di ms 201 G-I di sebelah kiri:

> ... This being an application under section 365 of the Criminal Procedure Code and under article 5(2) of the Constitution, with respect I agree with Encik Lamin for the respondent that the real issue is a simple one, namely this, whether or not Ooi was lawfully detained. If so, the court should not release him; if not, the court should release him. As to this the affidavit evidence is very clear. There was an armed robbery, a seizable offence, and there was a reasonable suspicion that Ooi was concerned in that offence, and Inspector Amiruddin not only had power to arrest him without a warrant (section 23(i)(a) of the Criminal Procedure Code), he was also under a duty to do so. By the time this application was filed on January 5, 1975, Ooi had been detained by order of a magistrate, and so there was no question of his detention being unlawful.

[25] Dalam kes *Madjal bin Sanusi v Pengarah Imigresen, Johor & Ors* [2000] 5 MLJ 116; [1999] 7 CLJ 569 Abdul Malik Ishak H telah membenarkan suatu bantahan awal oleh peguam Persekutuan bagi pihak responden-responden. Bantahan awal itu ialah bahawa remedi writ habeas corpus bukanlah remedi yang sesuai kerana semasa perintah tahanan diumumkan, ia adalah dalam bentuk jenayah yang tidak boleh dicabar dengan writ habeas corpus. Dalam kes tersebut pemohon telah dituduh di mahkamah majistret untuk empat pertuduhan di bawah Akta Imigresen 1959. Semasa pemohon dibicarakan untuk empat pertuduhan tersebut dan perbicaraan masih berjalan, beliau di tahan di bawah waran tahanan yang ditandatangani oleh seorang majistret di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah. Waran tahanan tersebut telah dilanjutkan dari masa ke masa dan belum lagi diketepikan oleh mahkamah kompeten yang mempunyai bidang kuasa.

[26] Seterusnya Abdul Malik Ishak H telah memutuskan bahawa untuk berjaya di dalam permohonan writ habeas corpus, pemohon mesti menunjukkan bahawa beliau telah di tahan secara menyalahi undang-undang atau di tahan secara tidak wajar. Oleh kerana dalam konteks kes itu pemohon ditahan di bawah waran tahanan majistret maka remedi writ habeas corpus tidak lagi sesuai dan perintah itu hanya boleh diuji melalui rayuan atau penyemakan.

[23] Mahkamah ini sependapat dengan penghakiman YA Su Geok Yam H dalam kes *Reza Shams Bijari Pirabazri* dan kes-kes yang di rujuk iaitu *Ooi Ah Phua* dan *Madjai Sanusi*. Berdasarkan alasan-alasan di atas, sudah memadai untuk membenarkan bantahan awalan yang dibangkitkan oleh PKP dan PP yang terpelajar yang mewakili responden-responden.

[24] Secara analogi mahkamah ini turut merujuk kes-kes writ habeas corpus di mana pemohon berada dalam penjara kerana menjalani hukuman iaitu berada dalam tahanan yang sah yang dikeluarkan oleh mahkamah yg kompeten (*Datuk Harun bin Haji Idris v Officer-in-Charge, Pudu Prison* [1981] 2 MLJ 72, *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1999] 1 MLJ 266; [1999] 1 CLJ 481 dan *Re Gurbachan Singh's Application* [1967] 1 MLJ 74). Dalam scenario begini telah

diputuskan writ habeas corpus tidak boleh dibenarkan. A

[25] Mahkamah ini ingin menyentuh secara sepintas lalu kes-kes yang dirujuk oleh Hj Rosli bin Kamarudin dalam hujahannnya. Kes *Dato' Anuar bin Hassan* semasa notis usul difailkan pemohon berada di bawah perintah pengawasan polis di bawah s 15 POCA. Sehubungan itu, cabaran-cabaran boleh dikemukakan ke atas tahanan dan tidak timbul isu akademik sebagaimana kes pemohon-pemohon sekarang. Dalam kes *Ho Chung Meng*, notis usul untuk writ habeas corpus telah difailkan pada 1 Julai 2023. Sebaliknya pendakwaan di Mahkamah Sesyen, Baling di bawah s 26D ATIPSOM pada 12 Julai 2023. Dalam kes *Ho Chung Meng*, semasa notis usul difailkan pemohon masih berada dalam tahanan SOSMA. Sebaliknya dalam kes semasa, notis usul difailkan semasa pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen, Selayang. Dalam kes *Tanasilan a/l Nakethiran* notis usul untuk writ habas corpus difailkan pada 28 Jun 2021 semasa pemohon berada dalam tahanan 28 hari di bawah s 4(5) Akta SOSMA. Pemohon di tuduh di Mahkamah Sesyen (4), Kuala Lumpur pada 13 Julai 2021. Berbeza fakta kesnya dengan kes semasa. Mahkamah ini berpendapat nas-nas sandaran yang di rujuk oleh Hj Rosli bin Kamarudin tidak memihak kepada pemohon-pemohon. B C D E

[26] Peguam Encik Najib Zakaria yang turut mewakili pemohon-pemohon dalam usahanya untuk menyelamatkan bahteranya yang hampir karam bergantung kepada kes-kes *Karpal Singh* dan *Arasa Kumaran*. Beliau menghujahkan walaupun isu pertikaian telah menjadi akademik ada terdapat isu kepentingan awam yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Karpal Singh* cabaran writ habeas melibatkan tahanan dalam Akta preventif yang sama iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Semasa writ habeas corpus difailkan pemohon masih berada dalam perintah yang dikeluarkan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Kes *Karpal Singh* tidak melibatkan tahanan atas mahkamah yang kompeten. Selanjutnya dalam kes *Arasa Kumaran*, pemohon pada awalnya di tahan di bawah perintah s 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pembenterasan Jenayah) 1969 (Ordinan 1969) untuk tempoh dua tahun. Pemohon telah memfailkan writ habeas corpus dan pada 24 Oktober 2005 Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan writ habeas corpus. Mahkamah Tinggi berpendapat berlaku ketidakpatuhan oleh polis berkaitan keperluan s 3(3)(a) dan (b) Ordinan 1969. YA juga berpandangan dirinya tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd Faizal bin Haris v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2006] 1 MLJ 309. Pemohon kemudiannya di tahan atas perintah penahanan yang baru. Mahkamah ini berpendapat kes *Arasa Kumaran* ia tidak melibatkan tahanan atas perintah mahkamah yang kompeten. F G H I

[27] Mahkamah ini tertarik dengan hujahan Encik Najib bin Zakaria apabila menghujahkan terdapat isu kepentingan awam yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini. Berbalik kepada kes *Arasa Kumaran* isu yang dibangkitkan di hadapan Mahkamah Persekutuan mebabitkan tafsiran s 3(3)(a) dan (b) Ordinan 1969 dan juga pemakaian prinsip kes *Mohd Faizal bin Haris*. Isu ini menjadi isu kepentingan awam memandangkan terdapat kes-kes yang menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan ketika itu. Berbalik kepada kes semasa, peguam pemohon-pemohon yang terpelajar menghujahkan memandangkan terdapat kes-kes lainnya yang menunggu pendakwaan. Merit rayuan ini perlu diputuskan oleh mahkamah ini sebagai panduan atau rujukan sebagaimana yang berlaku dalam kes *Arasa Kumaran*.

[28] Mahkamah ini berpendapat keadaan berbeza dalam kes *Arasa Kumaran* kerana ia melibatkan Mahkamah Persekutuan dan terdapat rayuan-rayuan di Mahkamah Persekutuan yang menunggu keputusan berkaitan isu yang disifatkan berkepentingan awam. Sudah semestinya keputusan Mahkamah Persekutuan memberi impak yang besar kepada kes-kes yang masih menunggu rayuan. Berbeza dengan kes semasa, Encik Najib bin Zakaria nampaknya cuba bergantung kepada kemungkinan ada lagi individu yang akan di tuduh bawah kesalahan Akta SOSMA. Mahkamah ini berpendapat ia sekadar andaian semata-mata berbeza dengan apa yang berlaku dalam kes *Arasa Kumaran*.

[29] Dalam kes *Arasa Kumaran*, YA Augustine Paul HMP memberikan alasan-alasannya mengapa rayuan di hadapan Mahkamah Persekutuan diteruskan walaupun isu menjadi akademik. YA dalam penghakimannya menyatakan:

> [6] The matter before us is not one concerning private law rights. Its involves a public authority and the issues submitted on relate to questions of public law. The proper interpretation to be accorded to s 3(3)(a) and (b) of the 1969 Ordinance is of tremendous significance and it will not involve a consideration of the facts of the case. The question of the applicability of the ratio decidendi of Mohd Faizal bin Haris to the 1969 Ordinance is of great importance. These are issues that will affect existing cases and will arise in future if they are not resolved as soon as possible. They must therefore be settled ...

[30] Sebaliknya di hadapan mahkamah isu kepentingan awam disandarkan kepada adakah alasan-alasan tangkapan pemohon-pemohon termasuk dalam jaringan Akta SOSMA? Sekiranya mahkamah ini memutuskan isu yang dibangkitkan dalam merit kes memihak pemohon-pemohon sekali pun, keputusan mahkamah ini tidak menyelesaikan isu yang mungkin timbul pada masa hadapan sebagaimana yang dihujahkan oleh Encik Najib bin Zakaria kerana Mahkamah Tinggi yang lainnya tidak terikat dengan keputusan mahkamah ini dalam konteks *stare decisis*. Keadaan mungkin berbeza jika Mahkamah Persekutuan yang memutuskannya atas kepentingan awam

sebagaimana yang berlaku dalam kes *Arasa Kumaran* yang menjadi tiang seri hujahan peguam pemohon-pemohon yang terpelajar.

[31] Mahkamah ini tidak sependapat dengan hujahan Encik Najib bin Zakaria yang bersandarkan kes *Karpal Singh* dan *Arasa Kumaran* agar bantahan awalan isu akademik di tolak atas dokongan ada isu kepentingan awam yang mewajarkan permohonan writ habeas corpus di dengar secara meritnya.

[32] Secara sepintas lalu, mahkamah ini akan menyentuh kebimbangan atau kekhuatiran yang dilontarkan oleh PKP dan PP yang terpelajar sekiranya mahkamah ini membenarkan writ habeas corpus (*hypotical*) ke atas pemohon-pemohon bagaimana perintah mahkamah ini akan di laksanakan? Mahkamah ini menimbangkan pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen, Selayang. Jika perintah writ habeas corpus dibenarkan, terdapat kesukaran bagaimana Jabatan Penjara untuk melepaskan pemohon-pemohon yang berada dalam waran menahan yang sah? Keadaan mungkin berbeza sekiranya pemohon-pemohon berada dalam tahanan preventif contohnya ALLPK. Perintah writ habeas corpus boleh diserahkan kepada PPA bagi maksud melaksanakan perintah tersebut.

KESIMPULAN

[33] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat semasa notis usul di lampiran satu difailkan, pemohon-pemohon tidak berada dalam tahanan Akta SOSMA. Sebaliknya pemohon-pemohon berada dalam waran menahan yang sah dikeluarkan oleh mahkamah yang kompeten. Writ habeas corpus tidak terpakai ke atas pemohon-pemohon. Sehubungan itu, mahkamah ini berpendapat permohonan pemohon-pemohon telah menjadi akademik. Mahkamah ini membenarkan bantahan awalan yang dikemukakan oleh responden-responden. Sekali gus, lampiran satu dibatalkan tanpa keperluan mendengar meritnya.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Muhamad Azham Marwan